Tazkirah Ramadan

IHSAN KUMPULAN KARANGKRAF

ALAF 21
karangkraf
www.karangkraf.com
KARYA BESTARI

RAMADAN
BULAN AL-QURAN

Oleh: Abu Ruwais al-Syubrawi

Firman ALLAH S.W.T:

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَـٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ

Maksudnya:
"(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa ialah) pada bulan Ramadan yang mana diturunkan al-Quran pada bulan itu. Ia menjadi petunjuk bagi seluruh manusia, menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah." **– Surah al-Baqarah: 185.**

SUNNAH MENGKHATAM AL-QURAN PADA BULAN RAMADAN

Ramadan adalah bulan paling istimewa berbanding bulan-bulan lain. Pada bulan itu diturunkan al-Quran, terdapat lailatulqadar, digandakan amalan, syaitan-syaitan dirantai dan pelbagai keistimewaan lain yang tidak terdapat pada bulan-bulan lain.

Antara amalan paling utama yang patut dilakukan oleh setiap muslim di bulan Ramadan yang diberkati ini ialah mengkhatamkan al-Quran. Tsabit perbuatan Nabi s.a.w mengkhatamkan al-Quran sebanyak dua kali bersama Jibril a.s pada tahun baginda diwafatkan.

Abu Hurairah r.a berkata:

أن جِبْرِيْلَ كَانَ يعْرِضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً فَعرضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فيه

Maksudnya:
"Sesungguhnya Jibril a.s sentiasa melawat al-Quran-Nabi sekali dalam setahun. Pada tahun Nabi s.a.w diwafatkan, Jibril telah datang melawat al-Quran baginda sebanyak dua kali." **– Hadis riwayat al-Bukhari.**

Ibn al-Atsir r.a berkata:

"Apa yang dimaksudkan dengan ungkapan 'melawat' di sini ialah Jibril akan mengajar seluruh isi kandung-

an al-Quran kepada baginda dan mengkhatamnya."

– Rujuk Kitab al-Jami' fi Gharib al-Hadis, jil. 4, ms. 64.

Ini bermakna, sunnah membaca al-Quran dan mengkhatamnya sambil menghayati makna ayat bukan sekadar membaca sahaja. Ini kerana, tujuan membaca al-Quran akan hilang tanpa menghayati isinya.

Menurut Ibrahim al-Nakha'i, al-Aswad mengkhatam al-Quran dua malam sekali pada bulan Ramadan. **– Rujuk al-Siir, jil. 4, ms. 51.**

Qatadah pula mengkhatam al-Quran setiap minggu. Pada bulan Ramadan, dia mengkhatam al-Quran sebanyak tiga kali. Apabila tiba sepuluh hari terakhir Ramadan, dia akan mengkhatam pada tiap-tiap malam. **– Rujuk al-Siir, jil. 5, ms. 276.**

Mujahid pula mengkhatam al-Quran setiap malam pada bulan Ramadan. **– Rujuk al-Tibyaan karya al-Nawawi, ms. 74 dengan sanad sahih.**

Menurut Mujahid, Ali bin al-Azdiy mengkhatam al-Quran setiap malam pada bulan Ramadan. **– Rujuk Tahzib al-Kamal, jil, 2, ms. 983.**

Menurut al-Rabi' bin Sulaiman, Imam Syafie mengkhatam al-Quran sebanyak 60 kali pada bulan Ramadan. **- Rujuk al-Siir, jil. 10, ms. 36.**

AL-QURAN MAMPU MENGGETARKAN JIWA

Al-Quran bukan sekadar kitab suci buat umat Islam malah panduan buat kaum yahudi dan kristian.

Paling utama, al-Quran mampu menaikkan bulu roma sesiapa yang membacanya secara tadabur. Tidak pernahkah kita mendengar golongan kuffar yang mengkaji al-Quran akhirnya kembali juga kepada agama fitrah, iaitu Islam.

Hal ini tidak dapat disangkal kerana ALLAH sendiri menegaskannya. Sesiapa sahaja yang beriman dengan apa yang dinyatakan dalam al-Quran sama ada muslim atau kafir, pasti hatinya tergerak untuk kembali mendekatkan diri kepada ALLAH. Sebab itulah golongan kuffar berusaha keras menghalang anak-anak mereka dari membaca dan menghayati al-Quran.

Jika begitulah keadaan orang kafir yang membaca dan mengkaji al-Quran apatah lagi jika dibaca dan dihayati oleh orang Islam.

Firman ALLAH S.W.T:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ
عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:
"Sesungguhnya orang-orang yang beriman (sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama ALLAH (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-NYA, maka bertambahlah iman mereka dan kepada TUHAN mereka jualah mereka berserah." **– Surah al-Anfal: 2.**

SATU HURUF BERSAMAAN SEPULUH PAHALA

Betapa rugi umat Islam yang diberi kelebihan dan gandaan pahala oleh TUHANnya sendiri tetapi diabaikan begitu sahaja. Apakah mereka merasakan amalan mereka sudah mencukupi untuk ditimbang di atas al-Mizan kelak?

Firman ALLAH S.W.T:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰٓ

إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Maksudnya:
"Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), baginya (balasan) sepuluh kali ganda (daripada kebaikan) yang sama dengannya dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, dia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya sedangkan mereka tidak dianiaya (sedikit pun)." **– Surah al-An'am: 160.**

Bukankah membaca al-Quran mampu menambahkan timbangan amalan kita di akhirat kelak? Justeru, rebutlah kelebihan membaca al-Quran ini yang tidak pernah diberikan kepada umat-umat terdahulu terutama di bulan Ramadan ini.

Menurut Abdullah bin Mas'ud r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا
لاَ أَقُولُ الم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Maksudnya:
"Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Kitabullah, baginya satu hasanah (kebaikan). Satu kebaikan itu bersamaan sepuluh kali ganda. Aku tidak pernah mengatakan bahawa alif lam mim itu satu huruf. Tetapi, alif itu satu huruf, lam itu satu huruf dan mim itu satu huruf." **– Hadis sahih riwayat al-Tirmizi, al-Darimi dan selainnya.**

BEZA MUKMIN DAN MUNAFIK YANG MEMBACA AL-QURAN

Pada hari ini, bukan sahaja umat Islam sudah tidak ingin memahami isi kandungan kitab suci yang telah diturunkan kepada mereka, malah sebahagian besar antara mereka tidak tahu membaca al-Quran. Tidak hairanlah mengapa akidah mereka mudah luntur dan pegangan agama muda-mudi pada hari ini mudah goyah.

Firman ALLAH S.W.T:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ تِبْيَـٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya:

"KAMI turunkan kepadamu al-Quran untuk menjelaskan setiap perkara, menjadi petunjuk, membawa rahmat dan memberi berita yang menggembirakan, orang-orang Islam." **– Surah al-Nahl: 89.**

Bayangkan, pada asal penurunan al-Quran para sahabat yang memeluk Islam dan menjadi pengikut Nabi s.a.w amat gembira dengan penurunan wahyu. Hinggakan mereka menangis selepas kewafatan Rasulullah s.a.w bukan kerana dukacita di atas kematian baginda semata-mata, tetapi paling sedih kerana wahyu telah terhenti. Ini kerana, al-Quran memandu hidup mereka yang dahulunya terpesong, menggembirakan hati mereka dengan janji-janji yang bakal diberikan oleh ALLAH kelak, menerangkan hukum-hakam yang selama ini mereka tidak tahu dan sebagainya.

Amat berbeza antara golongan benar-benar beriman dan golongan munafik yang membaca al-Quran. Hati golongan munafik sentiasa gelisah setiap kali menemui ayat-ayat hukum. Jiwa mereka memberontak dengan apa yang diharamkan oleh ALLAH. Mereka berusaha mentakwil dan memutarbelitkan makna. Berbeza dengan mukmin sejati. Apa yang diperintahkan mereka lakukan dan apa yang dilarang mereka tinggalkan tanpa mempersoalkannya.

Menurut Abu Musa al-Asy'ari r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الأُتْرُجَّةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا
طَيِّبٌ وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ التَّمْرَةِ لاَ رِيحَ لَهَا
وَطَعْمُهَا حُلْوٌ وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرَّيْحَانَةِ
رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لاَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ
كَمَثَلِ الْحَنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ

Maksudnya:
"Perumpamaan orang mukmin yang membaca al-Quran seolah-olah seperti buah al-Utrujah. Baunya wangi dan rasanya juga sedap. Perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca al-Quran seperti buah kurma. Tidak berbau tetapi rasanya manis. Perumpamaan munafik yang membaca al-Quran seperti raihanah. Baunya wangi tetapi rasanya pahit. Manakala munafik yang tidak membaca al-Quran pula seperti hanzolah. Tidak berbau dan rasanya terlalu pahit."
– Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, al-Tirmizi, al-Nasaai dan Abu Daud.

TADABBUR AL-QURAN MENAMBAHKAN KETAKWAAN

Apa yang menghairankan ialah terdapat segelintir umat yang diberikan al-Quran tetapi semakin angkuh dan fasiq. Akal yang dianugerahkan oleh ALLAH ke-

pada mereka tidak digunakan sebaik-baiknya. Sedangkan, jika al-Quran diturunkan ke atas seluruh isi bumi dan langit pasti semuanya akan hancur lebur kerana tidak sanggup menerima bebanan syariat.

Firman ALLAH S.W.T:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ
خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya:
"Sekiranya KAMI turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, pasti engkau (Muhammad) akan melihat gunung itu khusyuk dan terbelah hancur kerana takut kepada ALLAH. (Ingatlah), semua perbandingan ini KAMI kemukakan kepada umat manusia supaya mereka memikirkannya." **– Surah al-Hasyr: 21.**

Adakah manusia merasakan perkara itu mustahil berlaku? Mengapa tidak! Bukankah terkandung di dalam al-Quran pelbagai ayat ancaman, amaran, peringatan keras, hukum-hakam yang wajib dilaksanakan, balasan syurga atau neraka dan berbagai-bagai lagi penerangan. Bukankah semua itu amat menggerunkan makhluk ALLAH yang lain. Hanya diri yang dikuasai syaitan dan tidak menggunakan akal sahaja memandang remeh perkara ini. Kelak, mereka pasti menyesal dan merayu-rayu di hadapan ALLAH.

AL-QURAN SUDAH DITINGGALKAN

Tidakkah kita sebagai umat Muhammad berasa sedih setelah melihat umatnya yang ditinggalkan melebihi 1400 tahun telah kembali ke zaman jahiliah? Semuanya gara-gara meninggalkan harta pusaka Nabi s.a.w yang paling bermakna, iaitu al-Quran.

Sedangkan, sebelum meninggalkan umatnya baginda berpesan agar tidak meninggalkan al-Quran dan berpegang teguh padanya. Hari ini, ayat-ayat al-Quran hanya dijadikan hiasan pada dinding masjid, rumah dan lain-lain lagi.

Hakikatnya, al-Quran diturunkan bukan untuk digantung sebagai perhiasan, bukan untuk dijadikan hadiah hantaran perkahwinan dan bukan juga untuk dijadikan tangkal sebagai ‘penghalau’ hantu atau syaitan. Tetapi, al-Quran diturunkan untuk dibaca, difahami dan diamalkan hukum-hakamnya. Hal ini bertepatan dengan firman ALLAH S.W.T:

وَقَالَ ٱلرَّسُولُ يَـٰرَبِّ إِنَّ قَوْمِى ٱتَّخَذُوا۟ هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانَ مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾

Maksudnya:
“Rasul berkata: Wahai TUHANku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan al-Quran ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai.” **– Surah al-Furqan: 30.**

Kecelakaan besar bakal ditempuhi oleh golongan yang membelakangi dan meninggalkan al-Quran di dunia dan

akhirat. Golongan ini bukan sahaja tidak beramal dengan al-Quran, malah langsung tidak pernah menyentuh dan membukanya.

Menurut Jabir r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

الْقُرْآنُ شَافِعٌ مُشَفَّعٌ وَمَا حَلَّ مُصَدَّقٌ مَنْ جَعَلَهُ أَمَامَهُ قَادَهُ إِلَى الْجَنَّةِ وَمَنْ جَعَلَهُ خَلْفَهُ قَادَهُ إِلَى النَّارِ

Maksudnya:
"Al-Quran adalah pemberi syafaat yang amat berguna dan ia pasti membelanya kelak. Sesiapa meletakkan dia di hadapannya (sebagai penyuluh jalan) ia akan memimpinnya ke syurga. Manakala sesiapa yang membelakangi al-Quran, ia pasti memimpinnya ke neraka."
– Hadis sahih riwayat al-Baihaqi, al-Tobrani dan selainnya.

RUMAH SUNYI DARIPADA BACAAN AL-QURAN

Pada hari ini kita dapati setiap rumah, pejabat, dalam kereta, di bandar dan di desa semuanya tidak lekang daripada alunan muzik. Itulah hasil usaha golongan kuffar untuk memperdaya dan melalaikan umat Islam. Nampaknya, usaha mereka berjaya. Tidakkah kita malu kepada ALLAH di atas perbuatan dan kelalaian kita ini?

Sewajarnya, rumah-rumah orang Islam hendaklah sentiasa dipenuhi dengan alunan bacaan al-Quran agar rumahnya tidak didiami oleh syaitan-syaitan yang mem-

perdayakan. Bukankah lebih baik telinga-telinga kita didendangkan dengan alunan al-Quran?

Menurut Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

لاَ تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنْ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya:
"Janganlah engkau jadikan rumah-rumah kamu seperti tanah perkuburan. Sesungguhnya syaitan akan beredar dari rumah yang dibacakan surah al-Baqarah di dalamnya." **– Hadis riwayat Muslim.**

Oleh itu, janganlah kita biarkan lagi selepas ini rumah-rumah kita sunyi daripada bacaan al-Quran. Semoga keberkatan al-Quran itu menyelinap masuk ke setiap ruang rumah-rumah umat Islam. Marilah kita lahirkan budaya qurani dalam semua aspek kehidupan.

AHLI AL-QURAN BERSAMA NABI S.A.W

Tidak inginkah kita semua berada di sisi Nabi kita Muhammad s.a.w yang selama ini hidup dan mati semata-mata ingin melihat wajah ALLAH dan bersama para nabi. Alangkah beruntung sesiapa sahaja di kalangan manusia yang mampu hidup bersama mereka di dalam syurga Firdaus.

Untuk itu jadikanlah al-Quran sebagai kawan setia. Jangan biarkan ia bersendirian. Rasulullah s.a.w tidak pernah meninggalkan al-Quran bersendirian. Al-Quran umpama sahabatnya. Itulah sunnah yang perlu kita ikuti dan terapkan kepada seluruh keturunan kita.

Cintakan al-Quran bermakna cintakan Rasul. Sesiapa yang ingin mendampingi para rasul, dia hendaklah sentiasa mendampingi al-Quran kerana baginda tidak pernah meninggalkan al-Quran dan sentiasa berakhlak dengan apa yang diterangkan oleh al-Quran.

Abu Wail r.a berkata:

الَمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبّ

Maksudnya:
"Setiap individu dibangkitkan bersama orang yang dicintainya." **- Hadis riwayat al-Bukhari.**

Selain itu, al-Quran juga mampu memberi syafaat kepada pembaca dan pengamalnya sejak di alam barzakh lagi. Setelah dibangkitkan kelak di hadapan ALLAH, al-Quran akan mara dan menjadi saksi untuk menyelamatkan pembaca dan pengamalnya.

Menurut Abu Umamah al-Bahili r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

إِقْرَأُوْا القُرْآنَ فَإِنَّهُ يجِيْء يَوْمَ القِيَامَةِ شَفِيْعًا لِصَاحِبِهِ

Maksudnya:
"Kamu semua hendaklah membaca al-Quran kerana pada hari kiamat kelak ia akan memberi syafaat kepada pembaca dan pengamalnya." **– Hadis riwayat Muslim.**

Hal itu pasti berlaku kerana ALLAH telah berjanji akan mengizinkan apa sahaja memberi syafaat di hadapan-NYA kelak sama ada individu itu layak memasuki syurga atau perlu dihumban ke neraka. Tanpa bukti, saksi atau pembela menyebabkan mereka akan keseorangan kelak.

Firman ALLAH S.W.T:

مَن ذَا ٱلَّذِى يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

Maksudnya:
"Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-NYA melainkan dengan izin-NYA."
– Surah al-Baqarah: 255.

BELAJARLAH AL-QURAN

Amat menyedihkan umat Islam pada hari ini sama ada berbangsa Arab atau bukan Arab, kebanyakan mereka tidak tahu membaca al-Quran. Ada yang tahu membaca al-Quran tetapi tajwid al-Qurannya pula bermasalah dan amat mendukacitaka.

Apakah golongan ini beranggapan mempelajari al-

Quran itu sunat? Sedangkan, terkandung di dalamnya ilmu agama yang menjadi pegangan setiap umat Islam yang beriman. Tanpa al-Quran, gelaplah jalan-jalan yang dilaluinya dan terpadamlah cahaya petunjuk.

Sedangkan, mempelajari al-Quran dan mengajarnya kepada orang lain dianggap wakil kepada Rasulullah s.a.w untuk menyampai dan mengajar Kitabullah. Dalam erti kata lain, mengajar al-Quran bermakna menyebarkan suruhan ALLAH kepada hamba-hamba-NYA.

Menurut Utsman bin Affan r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya:
"Terbaik antara kamu semua ialah orang yang mempelajari al-Quran kemudian mengajarnya kepada orang lain." **– Hadis riwayat al-Bukhari, Abu Daud dan al-Tirmizi.**

Kita semua ketahui, termasuk kategori mukmin sejati ialah sesiapa yang berpegang teguh dengan kalimah syahadah. Tetapi, kedudukan mereka di syurga kelak pelbagai peringkat bergantung kepada amalan masing-masing. Termasuk amalan yang membezakan mereka ialah siapakah yang lebih banyak membaca dan mengamalkan isi kandungan kitab suci al-Quran. Yang pasti, sesiapa yang membaca al-Quran, mampu menghafaznya dan mengamalkan isi kandungannya tentulah mereka mendapat kedudukan paling tinggi di dalam syurga.

Menurut Abdullah bin ‘Amru r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ اقْرَأْ وَارْتَقِ وَرَتِّلْ كَمَا كُنْتَ تُرَتِّلُ فِي الدُّنْيَا
فَإِنَّ مَنْزِلَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرَؤُهَا

Maksudnya:
“Dikatakan kepada pembaca dan pengamal isi al-Quran: Baca dan perbaikilah serta tartilkan lagi bacaan kamu (di dalam syurga ini) sebagaimana kamu membacanya dengan baik di dunia dulu. Sesungguhnya kedudukan kamu bergantung kepada bilangan ayat terakhir yang kamu baca (dan amalkan).” **- Hadis hasan sahih riwayat Abu Daud.**

Selain itu, terdapat juga golongan yang memperdagangkan al-Quran untuk kepentingan diri. Al-Quran bukan untuk diajarkan kepada masyarakat tetapi dimanfaatkan untuk mendapat habuan dunia semata-mata. Bagi mereka, tanpa bayaran maka al-Quran tidak akan disampaikan.

Justeru, saya wasiatkan kepada ALLAH buat diri saya, seluruh qari dan qariah agar bertakwa kepada ALLAH. Menurut Ibn ‘Amru r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

بَلِّغُوْا عَنِّيْ وَلَوْ آيَةً

Maksudnya:
“Kamu semua (wahai sahabatku) hendaklah menyampaikan apa sahaja daripadaku walau satu ayat.” **- Hadis riwayat Ahmad, al-Bukhari, al-Tirmizi.**

Sesiapa sahaja yang sudah mempelajari isi kandungan al-Quran wajib menyampaikan kepada orang lain. Sepatutnya, seorang muslim yang mampu menguasai al-Quran tidak wajar menyembunyikan walau satu ayat untuk kebaikan dirinya dan orang lain.

Apa yang menyedihkan, kebanyakan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke pusat pengajian al-Quran disebabkan mereka sendiri tidak mampu membaca dan mengajar anak-anak mereka.

Sedangkan, al-Quran itu wajib dipelajari oleh setiap individu sama ada kecil, dewasa, tua, muda, lelaki mahupun perempuan. Mana mungkin seseorang mampu mengikuti perintah ALLAH dan meninggalkan larangan-NYA yang terkandung di dalam al-Quran tanpa penguasaan yang selayaknya?

CARA TERBAIK MENUJU KE SYURGA

Rasulullah s.a.w selalu menekankan umatnya agar mementingkan kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia yang tidak kekal. Namun, tidak bermakna kita harus meninggalkan terus kehidupan dunia semata-mata mengejar akhirat.

Al-Quran juga sentiasa memperingatkan manusia agar sentiasa berada di atas landasan salafussoleh. Semua itu akan tercapai dengan membaca al-Quran. Sesiapa yang memastikan dirinya sentiasa berada di atas landasan al-Quran, ALLAH pasti mempermudahkan baginya jalan menuju ke syurga.

Bukankah sesiapa yang mengingati ALLAH dia akan sentiasa membaca kitab-NYA. Sesiapa yang mengingati ALLAH dengan mendekati kalam-NYA, ALLAH pasti mengingatinya setiap masa dan ketika. Sesiapa yang lalai daripada mendekati nasihat dan peringatan ALLAH di dalam al-Quran, ALLAH juga berlepas diri daripada golongan ini.

Menurut Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيْقًا يَلْتَمِسُ فِيْهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ طَرِيْقًا إِلَىْ الجَنَّةِ وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِيْ بَيْتٍ يَتْلُوْنَ كِتَابَ اللهِ وَيَتَدَارَسُوْنَهُ بَيْنَهُمْ إِلاَّ نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِيْنَةَ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةَ وَحَفَّتْهُمُ المَلائِكَةَ وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيْمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya:

"Sesiapa menempuh jalan yang dipenuhi dengan menuntut ilmu, ALLAH pasti mempermudahkan baginya jalan menuju ke syurga. Tidaklah suatu golongan yang berhimpun di rumah ALLAH sambil membaca dan mempelajari Kitabullah antara satu sama lain, melainkan ALLAH pasti menurunkan ketenangan buat mereka, menyelubungi kerahmatan, dilindungi oleh para malaikat dengan sayapnya dan ALLAH pasti menyebut-nyebut mereka kepada makhluk yang berada di sisi-NYA." **- Hadis riwayat Muslim dan Abu Daud.**

Renungkanlah bagaimana para sahabat Nabi s.aw begitu prihatin untuk memahami isi kandungan al-Quran. Mereka sanggup berulang-alik menemui Rasulullah s.a.w untuk memahami kitab suci itu. Bagi mereka, tidak ada yang lebih baik selain membaca al-Quran dan mengamalkannya agar terselamat di dunia dan akhirat. Itu sahaja cara terbaik buat mereka sama ada ketika baginda masih hidup atau selepas kewafatannya.

Abdullah bin ‘Amru r.a berkata:

أَتَىْ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَقْرِئْنِيْ يَا رَسُوْلَ اللهِ فَانْتَهَىْ إِلَىْ قَوْلِهِ تَعَالَى: ﴿ فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ * وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴾ فَقَالَ: يَكْفِيْنِيْ وَانْصَرَفَ الرَّجُلُ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنْصَرَفَ الرَّجُلُ وَهُوَ فَقِيْهٌ

Maksudnya:
“Seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w lalu berkata: Bacakan kepadaku al-Quran wahai Rasulullah! Lalu baginda membaca: Sesiapa yang membuat kebaikan walau sebesar zarah, pasti ALLAH akan membalasnya kelak. Begitu juga sesiapa yang membuat kejahatan walau sebesar zarah pasti ALLAH akan membalasnya. Lelaki itu berkata: Cukuplah dahulu lalu beredar. Baginda bersabda: Lelaki itu beredar dalam keadaan dia benar-benar memahami maksud

ayat." **- Hadis riwayat Abu Daud, al-Nasaai, Ibn Hibban dan al-Hakim. Beliau mensahihkannya.**

Begitulah keikhlasan yang ditunjukkan oleh sahabat Rasulullah s.a.w dan bersungguh-sungguh mengamalkan apa sahaja yang diperintahkan dan meninggalkan apa sahaja yang dilarang. Ayat yang dibacakan itu sudah memadai baginya untuk dijadikan kaedah usul dan dijadikan manhaj serta petunjuk bagi meneruskan kehidupan.

Apa yang difahami, jika dia melakukan kebaikan walaupun kecil di sisi manusia, ALLAH pasti mengadilinya kelak lalu dia akan melakukan sebanyak mungkin. Begitu juga jika dia melakukan kejahatan walaupun sedikit dia pasti akan diazab lalu ditinggalkan. Bukankah dia layak digelar orang paling bijak hinggakan Rasulullah s.a.w mensifatkan beliau seorang yang faqih.

PELAJARI ILMU TAFSIR SEBELUM BERLAKU ZAMAN FITNAH

Semua ketahui bahawa ayat al-Quran sendiri kadangkala mentafsirkan antara satu sama lain. Ayat yang kurang jelas akan ditafsirkan oleh ALLAH pada ayat lain. Jika tidak ditemui, maka Rasulullah s.a.w akan mentafsirkannya melalui hadis baginda. Jika masih tidak difahami, para sahabat akan mentafsirkannya kerana mereka lebih memahami dan sempat hidup di zaman penurunan wahyu.

Justeru, haram perbuatan mentafsirkan al-Quran menggunakan akal atau menurut hawa nafsu. Pada hari ini terdapat segelintir umat Islam cuba mentafsirkan sendiri al-Quran dan tidak ingin memakai kitab-kitab karangan ulama terdahulu yang dipenuhi hadis, pentafsiran para sahabat dan pendapat ulama salaf.

Menurut Ibn Abbas r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَنْ قَالَ فِىْ القُرْآنَ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:
"Sesiapa mentafsirkan al-Quran menggunakan akalnya, tersedia tempat duduknya di dalam neraka." - **Hadis hasan riwayat al-Tirmizi.**

Dalam riwayat yang lain:

مَنْ قَالَ فِىْ القُرْآنَ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya:
"Sesiapa mentafsirkan al-Quran tanpa ilmu, tersedia tempat duduknya di dalam neraka." **- Hadis hasan sahih riwayat al-Tirmizi.**

Mentafsirkan al-Quran menurut hawa nafsu dan akal semata-mata tanpa menggunakan kaedah ulama salaf menyebabkan kemungkaran, mengharamkan yang jelas halal, menghalalkan yang jelas haram dan terpesong daripada kehendak nas. Natijah yang paling buruk ialah

menyebabkan berlakunya percanggahan hukum antara ulama terdahulu dan perpecahan. Sedangkan, al-Quran bukan didatangkan untuk memporakperandakan manusia atau memecahbelahkan kesatuan mereka.

Namun, akan muncul satu zaman di mana orang ramai mula mempertikaikan isi kandungan al-Quran, saling bertelingkah dalam memahami isi kandungannya dan pelbagai kerosakan lain. Mereka bertelingkah bukan untuk mengamalkan perintah dan larangan ALLAH tetapi untuk melahirkan kerosakan.

Jika sudah tiba zamannya, berlepas dirilah dan tinggalkanlah kelompok-kelompok kesesatan itu dan berpegang teguhlah dengan kitabullah dan sunnah sahih yang diyakini.

Menurut Jundub bin Abdullah r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

اقْرَءُوا الْقُرْآنَ مَا ائْتَلَفَتْ عَلَيْهِ قُلُوبُكُمْ فَإِذَا اخْتَلَفْتُمْ فَقُومُوا عَنْهُ

Maksudnya:
"Kamu semua hendaklah membaca al-Quran (mempelajari isi kandungannya) selagi ia mampu menjinakkan atau menyatukan hati-hati kamu. Apabila al-Quran sudah mula menyebabkan kamu semua berselisih faham, jauhilah daripadanya." **- Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.**

Perselisihan tentang hukum-hakam al-Quran melemahkan umat Islam dan menimbulkan perpecahan. Umat Islam

wajib menjauhi perbuatan itu bahkan tidak perlu mendalami ilmu bersama golongan sesat ini.

Ini kerana, keberkatan mempelajari ilmu al-Quran sudah terangkat. Kesan daripada perselisihan itu menyebabkan hati umat Islam bercelaru dan syaitan mula menguasai dirinya. Ada yang mengamalkan berdasarkan metode ilmu yang sahih dan ada yang beramal menurut hawa nafsu semata-mata.

BERUSAHA MENGHAFAZ AL-QURAN

Para sahabat Nabi s.a.w bersungguh-sungguh menghafaz al-Quran. Sebabnya kerana ingin menurut sunnah, sebagai panduan hidup dan mengekalkan ketulenan kitab suci. Namun, kecelakaan telah menimpa para huffaz Rasulullah s.a.w. Mereka dibunuh beramai-ramai. Tambahan pula ramai di kalangan mereka yang syahid kerana mengikuti peperangan.

Atas dasar itu usaha membukukan membukukan al-Quran telah dijalankan sejak di zaman Abu Bakar al-Siddiq lagi. Akhirnya ia dibukukan secara rasmi pada zaman Utsman bin Affan.

Apa yang menyedihkan kita pada hari ini, al-Quran hanya dijadikan sebagai pusaka yang harus diwarisi sebagaimana perbuatan yahudi dan kristian menyimpan kandungan asal kitab suci bukannya untuk dihafaz dan diamalkan.

Para salafussoleh amat menitikberatkan penghafalan al-Quran. Anak-anak mereka telah diasuh agar

menghafaz al-Quran sejak kecil lagi. Itulah yang menjadi kebiasaan bangsa Arab. Berbeza dengan masyarakat kita. Anak-anak lebih diberi penekanan agar pandai menyanyi, menari dan berkaraoke sejak kecil lagi.

Ibn Abbas r.a berkata:

تُوُفِّيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا ابْنُ عَشْرِ سِنِينَ وَقَدْ قَرَأْتُ الْمُحْكَمَ فَقُلْتُ لَهُ وَمَا الْمُحْكَمُ؟ قَالَ: الْمُفَصَّل وَهُوَ مِنَ الحُجُرَات إِلَىْ آخِرِ القُرْآنِ

Maksudnya:
"Rasulullah s.a.w telah wafat ketika aku berumur sepuluh tahun. Ketika itu aku telah pun menguasai al-Muhkam. Ditanya kepadanya apakah yang dimaksudkan dengan al-Muhkam? Jawabnya: Aku telah menghafaz juzuk terakhir al-Quran (surah al-Mufassal) bermula daripada surah al-Hujurat hingga surah al-Nas." **- Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.**

Nabi s.a.w menyarankan umatnya agar berusaha keras mempelajari dan menghafaz al-Quran. Baginda memberi jaminan di atas usaha mereka itu. Menurut isterinya Aisyah r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ حَافِظٌ لَهُ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَرَةِ وَمَثَلُ الَّذِي يَقْرَأُ وَهُوَ يَتَعَاهَدُهُ وَهُوَ عَلَيْهِ شَدِيدٌ فَلَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya:
"Perumpamaan orang yang membaca al-Quran dan menjaga tajwid serta beramal dengan isi kandungannya akan bersama safaratil kiram al-Bararah. Manakala perumpamaan orang yang membaca al-Quran dan bersungguh-sungguh walaupun menghadapi kesukaran baginya dua ganjaran." **– Hadis riwayat al-Bukhari.**

Namun, kadangkala Jibril a.s hanya membaca beberapa ayat, satu ayat atau setengah ayat sahaja bergantung kepada kemampuan baginda s.a.w. Oleh itu, termasuk sunnah jika tidak mampu menghafaz lima ayat bolehlah menghafaz menurut kemampuan masing-masing. Paling penting, berusaha menguasai al-Quran.

Menurut Abdullah bin Mas'ud r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

يِئْسَ مَا لأَحَدِهِمْ أَنْ يَقُولَ نَسِيتُ آيَةَ كَيْتَ وَكَيْتَ بَلْ نُسِّيَ
وَاسْتَذْكِرُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ أَشَدُّ تَفَصِّيًا مِنْ صُدُورِ الرِّجَالِ مِنْ النَّعَمِ

Maksudnya:
"Seburuk-buruk perkara ialah seseorang berkata: Aku telah lupa ayat itu dan ini sedangkan sebenarnya dia telah dilupakan. Oleh itu, berusaha keraslah untuk mengingati al-Quran kerana ia lebih cepat terlepas lari (lupa) daripada diri kamu berbanding

binatang ternakan (terlepas)." **– Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim.**

Hadis ini menunjukkan bahawa makruh perbuatan sengaja melupakan al-Quran apatah lagi lalai untuk mengamalkan hukum-hakamnya.

Firman ALLAH S.W.T:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾ قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾ قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَـٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ تُنسَىٰ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya:
"Sesiapa yang berpaling ingkar daripada ingatan dan petunjuk-KU, sesungguhnya baginya kehidupan yang sempit dan KAMI akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta. Dia berkata: Wahai TUHANku! Mengapa ENGKAU himpunkan aku dalam keadaan buta padahal aku dahulu melihat? ALLAH berfirman: Demikianlah keadaannya! Telah datang ayat-ayat keterangan KAMI kepadamu lalu engkau melupakan serta meninggalkannya dan begitu jugalah engkau pada hari ini dilupakan serta ditinggalkan."
– Surah Toha: 124-126.

Hadis di atas juga membuktikan bahawa lupa ter-

masuk perkara semulajadi yang akan berlaku pada diri manusia. Namun, seseorang perlu berusaha agar hafazannya tidak hilang dengan mengamalkan apa yang terkandung di dalam al-Quran dan meninggalkan kemaksiatan.

Imam Syafie r.h pernah mengadu kepada gurunya Imam al-Waki' mengenai hafazannya yang semakin merosot. Katanya:

شَكَوْتُ إِلَى وَكِيْعٍ سُوْءَ حِفْظِي

فَأَرْشَدَنِي إِلَى تَرْكِ المَعَاصِي

وَأَخْبَرَنِي بِأَنَّ العِلْمَ نُوْرٌ

وَنُوْرُ اللهِ لاَ يُهْدَى لِعَاصِي

Maksudnya:
"Aku telah mengadu kepada Waki' mengenai hafalanku yang merosot. Lalu dia menasihatkan aku agar meninggalkan maksiat. Dia memberitahuku bahawa ilmu itu cahaya. Sedangkan cahaya ALLAH tidak akan menunjukkan jalannya kepada ahli maksiat."

TANPA AL-QURAN JIWA MENJADI KOSONG

Menghafaz al-Quran dan memahami maknanya untuk menunaikan solat menjadi kewajipan seluruh umat Islam. Menurut kaedah usul:

مَا لاَ يُتِمُّ الوَاجِب إلاَّ بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

Maksudnya:
"Apabila tidak tercapai atau sempurnanya sesuatu kewajipan kecuali dengan melakukan perkara tersebut, tentulah perkara itu diwajibkan."

Oleh itu, tidak sempurna kewajipan solat tanpa mempelajari dan memahami isi kandungan al-Quran. Apatah lagi tanpa menghafaz al-Quran dan mempelajari hukum-hakamnya, sudah tentu tidak tercapai hikmah penurunan al-Quran. Atas dasar itu, sebahagian ulama menetapkan sunnah muakkadah (dituntut) menambah hafazan al-Quran dan tidak memadai hanya menghafaz sebahagian al-Quran.

Bagaimana mungkin dapat melahirkan suasana qurani dan faqih di dalam rumah jika ibu bapa tidak menghafaz al-Quran. Tidak hairanlah pada hari ini timbul pelbagai kemungkaran dan kemaksiatan yang tidak mampu dibendung hasil daripada kelemahan diri menguasai ilmu al-Quran. Anak-anak langsung tidak berminat untuk mendalami al-Quran. Apatah lagi mendalami ilmu agama.

Sabda Nabi s.a.w:

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْراً يُفَقِّه فِيْ الدِّيْنِ

Maksudnya:
"Sesiapa yang inginkan kebaikan daripada ALLAH,

dia hendaklah mendalami ilmu agama." **– Hadis riwayat Ahmad, al-Hakim dan al-Tirmizi. Beliau mensahihkannya.**

Adakah masih terdapat ilmu agama paling penting selain membaca, menghafaz, menghayati atau tafaqquh terhadap ilmu al-Quran? Daripadanya seluruh umat Islam di atas muka bumi ini mampu mencungkil ilmu tafsir, fikah, balaghah, nahu atau sorof dan sebagainya.

DARJAT AHLI AL-QURAN

ALLAH mengangkat kedudukan pembaca al-Quran di mana sahaja dia berada. Dia diangkat bukan kerana banyak menghafaz al-Quran semata-mata tetapi kerana mengamal dan mengajar isi kandungannya kepada orang lain.

Berbeza dengan golongan yang dijadikan al-Quran sebagai fitnah. Semakin membaca al-Quran semakin bertambah kekufuran dan kemaksiatan yang dilakukan.

Menurut Umar bin al-Khattab r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَرْفَعُ بِهَذَا الْكِتَابِ أَقْوَامًا وَيَضَعُ بِهِ آخَرِينَ

Maksudnya:
"Sesungguhnya ALLAH mengangkat segolongan ma-

nusia dengan al-Quran dan membinasakan sebahagian yang lain dengannya." **– Hadis riwayat Muslim.**

Pernahkah kita mendengar kisah Nabi s.a.w menanam dua lelaki yang syahid ketika peperangan Uhud dalam satu lahad. Kemudian baginda bertanya: *Siapakah yang lebih banyak menghafaz al-Quran. Apabila ditunjukkan kepadanya, baginda lantas mendahulukan jenazahnya ke liang lahad diikuti mereka yang kurang menghafaz al-Quran.*

Inilah sunnah mendahulukan ahli al-Quran berbanding orang lain dalam semua perkara. Justeru, selagi masa masih ada dan umur masih panjang bersegeralah menguasai al-Quran. Janganlah ditangguh lagi untuk merebut kebaikan yang diberikan oleh ALLAH ini. Mohonlah kepada ALLAH dengan bersungguh-sungguh untuk merebut peluang ini agar diberi kekuatan ketika berada di bulan Ramadan dan juga selepas berlalunya Ramadan.

Menurut Ibn Abbas r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

اغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتِكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ وَفرَاغَكَ قَبْلَ شَغَلِكَ وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Maksudnya:
"Rebutlah lima perkara sebelum datang lima yang lain: Mudamu sebelum datang tuamu, sihatmu sebelum datang sakitmu, kekayaanmu sebelum datang kefaki-

ranmu, kelapanganmu sebelum datang kesibukanmu dan hidupmu sebelum datang kematianmu." **– Hadis sahih riwayat al-Hakim dan al-Baihaqi di dalam sahih al-Targhib dan Misykat al-Masobih.**

MEMAKAIKAN MAHKOTA BUAT IBU BAPA

Beramal dengan al-Quran bukan hanya bermanfaat buat diri sendiri, malah untuk kedua-dua ibu bapanya. Pada hari ini, masyarakat sibuk membuat amalan yang masih diperselisihkan sama ada sampai atau tidak pahala amalan yang dilakukan buat roh ibu bapa. Sedangkan, Nabi s.a.w telah mengajar banyak perkara untuk memberi manfaat buat ibu bapanya di akhirat kelak.

Menurut Sahl bin Mu'az bin Anas al-Juhani r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَعَمِلَ بِمَا فِيهِ أُلْبِسَ وَالِدَاهُ تَاجًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ضَوْءُهُ أَحْسَنُ مِنْ ضَوْءِ الشَّمْسِ فِي بُيُوتِ الدُّنْيَا لَوْ كَانَتْ فِيكُمْ فَمَا ظَنُّكُمْ بِالَّذِي عَمِلَ بِهَذَا

Maksudnya:
"Sesiapa membaca al-Quran dan mengamalkan isi kandungannya, dipakaikan kepada ibu bapanya mahkota pada hari kiamat. Cahayanya lebih terang daripada sinaran cahaya matahari jika ia menyinari rumah-rumah kamu di dunia. Oleh itu, adakah kamu masih

ragu-ragu disebabkan apa yang kamu telah amalkan."
– Hadis riwayat Abu Daud dengan sanad soleh.

Ini kerana, amal perbuatan anaknya itu hasil daripada didikan agama yang diberikan oleh kedua-dua ibu bapa ketika di dunia dulu. Ganjaran kebaikan buat kedua-dua ibu bapa tidak akan putus sama ada di alam barzakh dan juga alam akhirat. Perbuatan membaca al-Quran itu dan mengamalkannya tidak akan dilakukan hanya anak-anak soleh yang mengenangkan jasa ibu bapanya.

Menurut Abu Hurairah r.a, Nabi s.a.w bersabda:

إِذَا مَاتَ الإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلاَّ مِنْ ثَلاَثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْ لَهُ

Maksudnya:
"Apabila matinya seorang manusia, terputuslah (catatan ganjaran) segala amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya." **– Hadis riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, al-Nasaai dan al-Tirmizi.**

AL-QURAN MEMBELA TEMANNYA

Paling penting, apa yang dibaca dan diamalkannya ketika di dunia dulu memberi manfaat buatnya di akhirat.

Al-Nawwas bin Sam'an r.a pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

يُؤْتَى بِالْقُرْآنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَهْلِهِ الَّذِينَ كَانُوا يَعْمَلُونَ بِهِ تَقْدُمُهُ سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَآلُ عِمْرَانَ تُحَاجَّانِ عَنْ صَاحِبِهِمَا

Maksudnya:
"Didatangkan pada hari kiamat al-Quran dan ahlinya yang pernah mengamalkan isi kandungannya ketika di dunia lalu surah al-Baqarah dan Ali Imran mendahului orang itu lalu membela tuannya di hadapan ALLAH." **– Hadis riwayat Muslim.**

Bayangkan di saat orang ramai nyenyak dengan tidur dan dibuai mimpi, teman al-Quran sanggup bangun menemai sahabatnya itu dari pagi hingga ke subuh. Memang patut jika al-Quran membelanya kelak kerana tidak pernah meninggalkannya bersendirian walau seketika. Apatah lagi jika dia benar-benar patuh dengan apa yang dikatakan oleh temannya. Itulah tingkah laku Nabi s.a.w yang tidak pernah mengingkari apa yang dinyatakan oleh al-Quran sebagaimana ditegaskan oleh Aisyah (isterinya). Inilah satu-satunya cara menyelamatkan diri daripada bakaran api neraka.

Menurut Ali bin Abu Talib r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فَاسْتَظْهَرَهُ فَأَحَلَّ حَلاَلَهُ وَحَرَّمَ حَرَامَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ

الْجَنَّةَ وَشَفَّعَهُ فِي عَشْرَةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ اسْتَوْجَبُوا النَّارُ

Maksudnya:
"Sesiapa membaca al-Quran dan mengamalkannya, iaitu apa yang dihalalkan lalu dia halalkan dan apa yang diharamkan lalu dia haramkan, ALLAH pasti memasukkan dia ke dalam syurga dan mampu memberi syafaat sepuluh orang ahli keluarganya yang sememangnya telah ditentukan masuk neraka." **– Rujuk al-Tizkar fi al-Adzakar, karya al-Qurtubi. Menurut penganalisis hadis, walaupun hadis ini terdapat kritikan, tetapi para ulama sepakat menggunakannya.**

KECELAKAAN UMAT YANG MEMPERMAINKAN AL-QURAN

Berhati-hatilah terhadap sifat-sifat munafik wahai pembaca al-Quran. Apakah yag dimaksudkan dengan munafik pembaca al-Quran ialah qari dan qariah yang pandai melagu-lagukan al-Quran atau pelajar di bidang al-Quran tetapi ia hanya bertujuan mengaut keuntungan dunia, mendapat sijil dan pangkat atau sekadar menunjuk-nunjuk kelebihan yang ada.

Menurut 'Uqbah bin 'Amir r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

أَكْثَرُ مُنَافِقِيْ أُمَّتِيْ قُرَّاؤُهَا

Maksudnya:
"Kebanyakan munafik daripada kalangan umatku terdiri daripada orang yang pandai membaca al-Quran."
– Hadis riwayat Ahmad. Menurut Syu'aib al-Arnaut: Hadis ini bermartabat hasan li ghairihi dan sanad hadis ini hasan.

Selain itu, munafik yang dimaksudkan di sini ialah golongan yang mempermainkan agama dengan membacakan ayat al-Quran sambil mentakwil dengan makna yang bukan dikehendaki oleh ALLAH dan Rasul-NYA. Akhirnya, mereka menyesatkan orang ramai.

Abu Said al-Khudri r.a berkata:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ تَبُوكَ خَطَبَ النَّاسَ وَهُوَ مُسْنِدٌ ظَهْرَهُ إِلَى نَخْلَةٍ فَقَالَ أَلاَ أُخْبِرُكُمْ بِخَيْرِ النَّاسِ وَشَرِّ النَّاسِ ؟ إِنَّ مِنْ خَيْرِ النَّاسِ رَجُلاً عَمِلَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَلَى ظَهْرِ فَرَسِهِ أَوْ عَلَى ظَهْرِ بَعِيرِهِ أَوْ عَلَى قَدَمَيْهِ حَتَّى يَأْتِيَهُ الْمَوْتُ وَإِنَّ مِنْ شَرِّ النَّاسِ رَجُلاً فَاجِرًا جَرِيئًا يَقْرَأُ كِتَابَ اللَّهِ وَلاَ يَدْعُو إِلَى شَيْءٍ مِنْهُ

Maksudnya:
"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah berkhutbah pada tahun peperangan Tabuk sambil menyandarkan belakangnya di pohon kurma katanya: Adakah kamu ingin aku beritahu tentang manusia paling baik dan

manusia paling jahat? Ketahuilah! Sesungguhnya manusia paling baik ialah seseorang yang memacu kuda, menunggang tunggangan atau berjalan kaki berjuang di jalan ALLAH lalu menemui kematian. Manakala manusia paling jahat ialah seorang yang buruk perangai membaca al-Quran tetapi langsung tidak menghilangkan kebodohan pada dirinya walau sedikit." **– Hadis riwayat Ahmad. Al-Arnaut menghasankannya. Tetapi, sanad hadis ini daif.**

Selain itu, Nabi s.a.w juga mengingatkan bahawa akan muncul di akhir zaman al-Quran hanya diperdengarkan di khalayak ramai atau setiap orang mampu berpidato sambil membacakan ayat-ayat al-Quran tetapi ayat itu langsung tidak bermanfaat buat dirinya. Mereka hanya pandai memperbaiki ibadah orang lain atau memperbaiki bacaan al-Quran orang lain tetapi melupakan diri sendiri.

Menurut Abu Said al-Khudri r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

يَخْرُجُ فِيكُمْ قَوْمٌ تَحْقِرُونَ صَلاَتَكُمْ مَعَ صَلاَتِهِمْ وَصِيَامَكُمْ مَعَ صِيَامِهِمْ وَعَمَلَكُمْ مَعَ عَمَلِهِمْ وَيَقْرَءُونَ الْقُرْآنَ لاَ يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ يَمْرُقُونَ مِنْ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنْ الرَّمِيَّةِ

Maksudnya:
"Akan muncul satu golongan yang selalu membandingkan solat kamu dengan solat mereka, puasa kamu

dengan puasa mereka, amalan kamu dengan amalan mereka sambil membaca al-Quran tetapi bacaan itu langsung tidak melebihi kerongkong mereka. Malah, merekalah yang paling ramai keluar daripada agama seperti anak panah keluar daripada busurnya." **– Hadis riwayat al-Bukhari.**

Dalam riwayat lain:

سَيَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ أَحْدَاثُ الأَسْنَانِ سُفَهَاءُ الأَحْلاَمِ يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ يَقْرَءُونَ الْقُرْآنَ لاَ يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ يَمْرُقُونَ مِنْ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنْ الرَّمِيَّةِ فَإِذَا لَقِيتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:
"Akan muncul di akhir zaman golongan muda-mudi dan cetek ilmunya petah berbicara sambil melontarkan hadis-hadis Nabi s.a.w. Namun, merekalah paling ramai keluar daripada Islam sebagaimana anak panah keluar daripada busurnya. Iman mereka tidak pernah melepasi tulang selangkanya. Di mana sahaja kamu menemui mereka maka bunuhlah. Ini kerana, sesiapa membunuhnya akan mendapat ganjaran pada hari kiamat ." **– Hadis riwayat Muslim, Abu Daud dan al-Nasaai.**

Hadis di atas memberi peringatan keras terhadap

golongan yang cuba mentafsirkan al-Quran menurut hawa nafsu. Mereka menolak pentafsiran ulama terdahulu dan berusaha memutarbelitkan fakta. Mereka ini terdiri daripada ulama suk yang menjadi 'pengampu' pemerintah. Al-Quran dijadikan bahan permainan demi menghalalkan perkara yang haram dan mengharamkan perkara yang halal semata-mata kerana mencari habuan dunia.

Sufian al-Tsauri r.h berkata: "Di dalam neraka terdapat satu lembah yang mana tidak akan dihuni kecuali orang yang tahu membaca dan memahami al-Quran bertujuan menjadi pendamping pembesar atau pemerintah."

Bahkan, Huzaifah bin al-Yaman juga berpesan: "Berhati-hatilah kamu semua terhadap fitnah yang bakal menimpa. Ditanya apakah fitnah itu? Jawabnya: Pintu kediaman pemimpin-pemimpin terbuka luas lalu dimasuki oleh seseorang sambil membenarkan penipuan pemimpin dan mengungkapkan kata-kata yang tidak pernah disebut dalam al-Quran."

Semua itu bertujuan mendapat pangkat, dinaikkan gaji, dipandang mulia oleh masyarakat dan memenuhi keperluan hawa nafsu mereka semata-mata. Bahkan, ada sebahagian mereka yang langsung tidak memahami al-Quran dan sunnah sepenuhnya menggunakan peluang keemasan ini untuk memutarbelitkan fakta dan mencari kedudukan. Semoga ALLAH menyelamatkan seluruh pemimpin Islam daripada fitnah golongan yang tidak bertanggungjawab ini.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan daripada apa yang saya bentangkan, marilah sama-sama kita mendekati al-Quran dan jadikan ia sebagai kawan di dunia dan akhirat. Sempena bulan Ramadan al-Mubarak ini, elok juga kita hadirkan diri ke masjid mengerjakan solat tarawih bersama kaum muslimin sambil mendengar bacaan al-Quran sama ada pendek atau panjang.

Menurut Jabir bin Abdullah r.a, Rasulullah s.a. telah ditanya:

أيُّ الصَّلاَةِ أَفْضَل؟ فَقَالَ: طُوْلُ القُنُوْت

Maksudnya:
"Cara solat bagaimanakah paling utama? Jawabnya: Panjangnya qunut (berdiri)." – **Hadis riwayat Muslim.**

Apa yang menghairankan, umat akhir zaman terlalu bersungut dengan bacaan imam yang panjang atau lama berdiri. Apatah lagi ketika solat sunat tarawih. Tidakkah mereka tahu bahawa jika tidak mampu berdiri, duduk itu lebih utama demi mendengar bacaan al-Quran yang mana hanya sebulan dalam setahun. Adakah dia tidak pernah mendengar kisah Nabi s.a.w berdiri lama ketika menunaikan solat tarawih bersama para sahabat hingga ke waktu sahur?

Lihatlah, betapa lemah tenaga umat Islam berbanding

para sahabat. Mereka bukan hanya sanggup berperang dalam keadaan berpuasa di siang hari. Malah, sanggup menggunakan seluruh anggota bertahajud di malam hari. Berbeza dengan umat akhir zaman.

Abdullah bin Umar r.a berkata:

صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَةً فَلَمْ يَزَلْ قَائِمًا حَتَّى هَمَمْتُ بِأَمْرِ سَوْءٍ قُلْنَا وَمَا هَمَمْتَ قَالَ هَمَمْتُ أَنْ أَقْعُدَ وَأَذَرَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya:
"Aku telah menunaikan solat bersama Nabi s.a.w pada suatu malam. Baginda terus berdiri hingga timbul perasaan buruk dalam diriku. Para sahabat bertanya: Apakah perasaan buruk itu? Jawabnya: Ingin sahaja aku duduk atau meninggalkan Nabi s.a.w (mufaraqah)." **- Hadis riwayat al-Bukhari.**

Ziad pernah mendengar al-Mughirah bin Syu'bah r.a berkata:

إِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَقُومُ لِيُصَلِّيَ حَتَّى تَرِمُ قَدَمَاهُ أَوْ سَاقَاهُ فَيُقَالُ لَهُ؟ فَيَقُولُ: أَفَلاَ أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

Maksudnya:
"Sudah menjadi kebiasaan Nabi s.a.w memanjang-

kan berdiri ketika dalam solat malamnya hingga pecah-pecah kakinya. Apabila ditanya mengapa dilakukan begitu? Jawabnya: Apakah aku tidak suka untuk menjadi hamba yang bersyukur." **- Hadis riwayat al-Bukhari.**

Dalam riwayat lain menceritakan betapa kuat dan sabarnya baginda s.a.w kerana mampu mendirikan solat malam sambil memanjangkan bacaan al-Quran hingga para sahabat tidak mampu menandingi beliau.

Huzaifah bin al-Yaman r.a berkata:

صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَافْتَتَحَ الْبَقَرَةَ فَقُلْتُ يَرْكَعُ عِنْدَ الْمِائَةِ ثُمَّ مَضَى فَقُلْتُ يُصَلِّي بِهَا فِي رَكْعَةٍ فَمَضَى فَقُلْتُ يَرْكَعُ بِهَا ثُمَّ افْتَتَحَ النِّسَاءَ فَقَرَأَهَا ثُمَّ افْتَتَحَ آلَ عِمْرَانَ فَقَرَأَهَا يَقْرَأُ مُتَرَسِّلاً إِذَا مَرَّ بِآيَةٍ فِيهَا تَسْبِيحٌ سَبَّحَ وَإِذَا مَرَّ بِسُؤَالٍ سَأَلَ وَإِذَا مَرَّ بِتَعَوُّذٍ تَعَوَّذَ

Maksudnya:
"Aku telah menunaikan solat bersama Nabi s.a.w pada suatu malam. Baginda memulakan solat dengan surah al-Baqarah. Aku menyangka baginda akan rukuk setelah menghabiskan ayat keseratus. Tetapi baginda meneruskan hingga menjangkau surah Ali Imran dan surah al-Nisa. Baginda membacanya secara

terputus-putus. Apabila menemui ayat yang memerintahkan bertasbih lalu baginda bertasbih. Apabila menemui ayat perintah berdoa baginda akan berdoa. Apabila menemui ayat perintah memohon perlindungan baginda akan memohon perlindungan." - **Hadis riwayat Muslim.**

Lihatlah, betapa hebat kesungguhan seorang manusia yang diutus sebagai nabi dan rasul hinggakan sanggup beribadah kepada TUHANnya sebegitu rupa. Sedangkan, seluruh dosa baginda telah pun diampunkan oleh ALLAH.

Justeru, kita sebagai manusia biasa pula sewajarnya mencontohi sunnah baginda dan para salafussoleh ini serta menjadikan Ramadan pada tahun ini dipenuhi bacaan al-Quran. Paling tidak, berusahalah datang ke masjid dan surau untuk mendengar bacaan imam.

Akhirnya, selawat dan salam ke atas junjungan Muhammad s.a.w, ahli keluarganya, sahabat dan seluruh kaum muslimin yang mengikuti jejak langkah mereka dengan penuh ihsan. Wallahu alam.

DAPATKAN BUKU-BUKU TERBITAN KARYA BESTARI

Dosa-dosa Yang Dipandang Remeh

Terdapat pelbagai jenis dosa yang dipandang remeh oleh umat Islam. Dapatkan kupasannya.

Menyambut Ramadan & Aidilfitri

Pelajari cara menyambut Ramadan dan Aidilfitri menurut sunnah Rasulullah s.a.w.

Amalan Berzikir

Membahaskan isu amalan berzikir secara berjemaah yang dilakukan oleh majoriti pengikut bermazhab Syafie.

Fahami Al-Quran

Menjelaskan cara dan kaedah mempelajari ilmu tafsir dan pengajaran penting dalam bidang ilmu tafsir.

DAPATKAN BUKU-BUKU TERBITAN KARYA BESTARI

Adab Pergaulan

Kita perlu mengetahui batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita agar tidak melampaui batas.

Amalan Bermazhab

Jawapan kepada persoalan tentang hukum bermazhab dalam Islam berserta pandangan para ulama.

Bertudunglah Wahai Puteriku

Tudung adalah pelindung diri muslimah dan lambang muslimah yang taat. Kelebihan dijelaskan di sini.

Ibadah Bagi Orang Sakit

Kewajipan ibadah tidak gugur walaupun ketika sakit. Pelajari cara solat dan puasa ketika sakit.

DAPATKAN BUKU-BUKU TERBITAN KARYA BESTARI

Qiamullail

Solat malam adalah ubat paling mujarab untuk penyakit rohani dan jasmani. Ikuti penerangannya.

Wanita Menurut Perspektif Islam

Islam telah memuliakan wanita sejak kemunculannya. Dapatkan penjelasannya di sini.

Didik Anak Cara Islam

Untuk melahirkan anak cemerlang di dunia dan akhirat memerlukan ilmunya. Dapatkan penjelasannya.

Hadis Palsu

Penyebaran hadis palsu semakin berleluasa. Apakah kesannya terhadap umat Islam?

PESAN TERUS DARI KAMI!

BORANG LANGGANAN

KEPADA:
ALAF 21 SDN. BHD.
LOT 12, PERSIARAN KEMAJUAN 16/16, SEKSYEN 16,
40200 SHAH ALAM, SELANGOR.

KOS POS DS/DB 6.00 SENASKHAH

Saya ingin melanggan buku berikut:

Buku		Naskhah		Jumlah
Persediaan Menghadapi Kematian	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Menyambut Ramadan&Aidilfitri	:	------------- naskhah X RM7.00	:	RM ------------------
Dosa Yang Dipandang Remeh	:	------------- naskhah X RM7.00	:	RM ------------------
Fahami Al-Quran	:	------------- naskhah X RM10.00	:	RM ------------------
Wuduk & Solat	:	------------- naskhah X RM19.00	:	RM ------------------
Amalan Berzikir	:	------------- naskhah X RM8.00	:	RM ------------------
25 Persoalan Semasa	:	------------- naskhah X RM17.00	:	RM ------------------
Amalan Bermazhab	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Hadis Palsu	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Realiti Gerakan Sufisme	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Adab Pergaulan	:	------------- naskhah X RM2.00	:	RM ------------------
Qiamullail	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Wanita Menurut Perspektif Islam	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Ibadah Bagi Orang Sakit	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Bertudunglah Wahai Puteriku	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
Didik Anak Cara Islam	:	------------- naskhah X RM3.00	:	RM ------------------
		JUMLAH :		RM ------------------

Disertakan MO/PO/CEK bernilai RM________________ atas nama
ALAF DUA PULUH SATU SDN. BHD.

NAMA :---

ALAMAT :---

TEL :-------------------------------- NO. AKAUN ALAF (jika ada): ------------------------------

TANDATANGAN: ---

BORANG INI BOLEH DIFOTOSTAT

LAYARI KAMI DI www.alaf21.com.my